



KURSUS KEJURULATIHAN MEMANAH TAHAP 1 (NAAM)

**ANJURAN
PERSATUAN MEMANAH NEGERI SABAH**

**DENGAN KERJASAMA
*RAWJA ARCHERY PLT***

TARIKH :-

1 – 4 DISEMBER 2025

MASA :-

8.00 pagi hingga 5.00 petang

TEMPAT :-

**INSTITUT LATIHAN PERINDUSTRIAN KOTA KINABALU (ILPKK)
SEPANGGAR, KOTA KINABALU
SABAH**

Persatuan Memanah Kebangsaan Malaysia (NAAM) bersama Persatuan Memanah Negeri Sabah (PMNS) dan *Rawja Archery PLT* akan melaksanakan Kursus Kejurulatihan Memanah Tahap 1 sepertimana maklumat berikut;

Tarikh : 1 – 4 Disember 2025

Lokasi : Institut Latihan Perindustrian Kota Kinabalu (ILPKK), Sepangar, Kota Kinabalu, Sabah

Pensyarah : Encik Muhammad Marbawi bin Sulaiman
Pengarah Teknikal
Persatuan Memanah Kebangsaan Malaysia (NAAM)

Penyelaras : Encik Md Suhaimi bin Sapiee
Pengarah Urusan Rawja Archery PLT

TENTATIF KURSUS



JADUAL KURSUS KEJURULATIHAN MEMANAH TAHAP 1

TIME DAY	0800 – 1000	1000 – 1030	1030 – 1230	1230 – 1430	1430 – 1600	1600 – 1630	1630 - 1800
DAY 1	LAPOR DIRI & PENDAFTARAN	M I N U M P A G I	TAKLIMAT KURSUS/ PENGENALAN DAN SEJARAH	M A K A N T E N G A H A R I	PERATURAN DAN KESELAMATAN	M I N U M P E T A N G	FORMAT PERTANDINGAN
DAY 2	KOMPETENSI KEJURULATIHAN		PENGENALAN PERALATAN		TEKNIK MEMANAH		EQUIPMENT SETUP & TUNING
DAY 3	LATIHAN PRAKTIKAL		LATIHAN PRAKTIKAL		PERANCANGAN PROGRAM LATIHAN (SEBELUM, SEMASA DAN SELEPAS PERTANDINGAN)		PERANCANGAN PROGRAM LATIHAN (PERIODISASI)
DAY 4	0800 – 0900 UJIAN TEORI		0900 – 1230 UJIAN PRAKTIKAL		RUMUSAN KURSUS & MAJLIS PENUTUP		BERSURAI

PENDAFTARAN

1. Pendaftaran hendaklah dilakukan secara manual disediakan penganjur dan juga melalui sistem MAREOS
2. Yuran kursus adalah **RM495** termasuk sijil rasmi NAAM yang diiktiraf, sarapan, makan tengahari dan air minuman.
3. Buku nota dan t-shirt kursus akan dijual berasingan iaitu tidak termasuk yuran kursus.
4. Bayaran hendaklah dilunaskan ke akaun
CIMB : RAWJA ARCHERY PLT (Acc No: 8603538539)
5. Peserta yang mendaftar dan telah membuat pembayaran sebelum tarikh tutup sahaja akan diterima.

KELAYAKAN PESERTA

1. Peserta hendaklah berumur 18 tahun dan ke atas pada tahun semasa.
2. Jawatankuasa Kejurulatihan NAAM mempunyai hak untuk memilih calon yang berkelayakan sahaja untuk menyertai kursus ini.
3. Hanya peserta yang telah memiliki Sijil Kursus Asas Kejurulatihan Memanah (NAAM) layak menyertai kursus ini.
4. Sijil penyertaan akan dikeluarkan oleh penganjur. Manakala sijil LULUS akan dikeluarkan oleh NAAM.

TANGGUNGJAWAB PESERTA

1. Segala perbelanjaan, penginapan, pengangkutan dan alat tulis semasa kursus adalah tanggungan peserta sendiri KECUALI dimaklumkan oleh pihak penganjur.
2. Sebarang kehilangan harta benda atau kemalangan yang berlaku pada sebelum, semasa dan selepas kursus adalah di bawah tanggungjawab peserta sendiri dan pihak NAAM atau penganjur **TIDAK AKAN BERTANGGUNGJAWAB** di atas kehilangan, kerosakan atau kemalangan yang berlaku.
3. Peserta dinasihatkan dan digalakkan mempunyai insuran peribadi sebagai jaminan jika berlakunya kemalangan sepanjang waktu kursus.
4. Semua peserta kursus haruslah berpakaian SUKAN, kemas dan tidak mencolok mata.
5. Berpakaian seperti berseluar pendek, baju tidak berlungan dan berkasut tumit tinggi (bagi wanita) adalah **TIDAK DIBENARKAN**.
6. Semua peserta **DIWAJIBKAN** berkasut sukan di sepanjang kursus berlangsung.
7. Semua peserta **DIWAJIBKAN** untuk membawa peralatan **Nota Catatan/Pen sendiri** dan ubat-ubatan keperluan sendiri.
8. Yuran perlu dijelaskan selewat-lewatnya tiga hari sebelum hari pertama kursus.
9. Yuran tidak termasuk bayaran buku nota dan t-shirt kursus (*optional*).
10. Pemulangan 100% yuran dibayar hanya untuk pembatalan penyertaan tujuh (7) hari sebelum kursus.
11. Pemulangan 50% yuran dibayar jika pembatalan penyertaan enam (6) hari sebelum kursus.
12. Tiada pemulangan semula yuran dibayar jika pembatalan dibuat tiga (3) hari sebelum kursus.
13. Sila Patuh Prosedur Operasi Standard (SOP) - pemakaian pelitup muka amat digalakkan jika bergejala tidak sihat.

TANGGUNGAN

1. Tidak ada mana-mana individu atau entiti termasuk penceramah yang hadir yang dibenarkan untuk merakam dan/atau menyiarkan secara elektronik sebarang bahagian acara tanpa persetujuan bertulis daripada Persatuan Memanah Kebangsaan Malaysia (NAAM).
2. Rakaman yang tidak sah, antaranya termasuk dan tidak terhad kepada audio, video dan gambar semasa mana-mana sesi ceramah, poster, dan/atau bengkel yang dikendalikan oleh NAAM adalah dilarang sama sekali kecuali dengan kelulusan bertulis NAAM.
3. Peserta dan/atau penceramah yang tidak mematuhi arahan mungkin diminta meninggalkan premis tersebut.

PERHUBUNGAN

1. Pihak persatuan menjemput kepada sesiapa yang berminat untuk menyertai kursus tersebut. Sila lihat maklumat dan syarat-syarat untuk menyertai kursus ini seperti yang dilampirkan.
2. Sebarang pertanyaan sila hubungi Encik Md Suhaimi Sapiee di talian 019-7920869
3. Sijil Lulus Kursus ini boleh disertakan bersama Sijil Kursus Sains Sukan Tahap 1 anjuran Akademi Kejurulatihan Kebangsaan untuk permohonan LESEN C KEJURULATIHAN SUKAN yang diiktiraf oleh Majlis Sukan Negara.